

**MENGAMBIL
BERAT
TENTANG
ORANG
LAIN**



Start Small
Dream Big







**Tiada sesiapa yang boleh
melakukan segala-galanya
tetapi semua orang boleh
melakukan sesuatu**

Apabila saya cedera, keluarga saya akan menjaga saya.



Apabila saya lapar,
ibu saya akan memasak makanan yang enak untuk saya.



Apabila saya berasa sedih, kakak saya akan melukis bersama saya.






Apabila saya sakit,
abang saya akan tolong
angkatkan beg sekolah saya.


Apabila orang lain mengambil berat terhadap saya, saya akan sentiasa mengucapkan terima kasih dengan ikhlas kepada mereka.



Guru saya kata bahawa saya harus tunjuk kasih sayang dan perhatian kepada keluarga dan rakan-rakan saya, sama seperti saya perlukan kasih sayang dan perhatian daripada orang lain.



Apabila bapa
saya pulang ke
rumah, saya
akan hidangkan
minuman
untuknya.






Apabila adik saya sakit perut,
saya akan menggosok perutnya.





Apabila datuk dan nenek saya sedang menonton televisyen, saya akan menonton bersama mereka.





Apabila ibu saya
tertumpahkan susu,
saya akan bantu
membersihkannya.



Apabila rakan sekolah saya sakit, saya akan mengirимkan kad kepadanya.



Apabila guru saya batuk, saya akan menghulurkan kertas tisu kepadanya.





Apabila hujan, saya akan kongsi payung dengan orang lain, walaupun baju saya akan basah sedikit.

Apabila saya lihat sampah
di jalanan, saya akan pungut
dan buangkannya ke dalam
tong sampah.



Sikap saling mengambil berat membuat saya berasa sangat gembira.



Pusat prasekolah My First Skool berasa bangga bekerjasama dengan ECDA untuk mencipta paket sumber “2018 Start Small Dream Big”. Paket sumber ini boleh didapati di dalam 4 bahasa utama di Singapura.

Saling mengambil berat adalah sifat yang baik untuk semua.

Apa itu sifat mengambil berat?

Sifat mengambil berat ialah apabila anda melakukan perbuatan baik untuk seseorang, kerana ia adalah perkara yang betul dilakukan. Apabila anda mengambil berat tentang seseorang, anda membuat perbezaan dalam dunia kebaikan. Kami percaya bahawa saling mengambil berat adalah sifat yang mulia.

Jika semua orang termasuk anak-anak kita, mulakan dengan beradab dan menegakkan nilai-nilai murni untuk menunjukkan keprihatinan pada orang lain, kita bukan sahaja menjalin hubungan interpersonal yang baik dengan orang lain, tetapi juga menanamkan rasa keajaiban, melakukan kebaikan dan kegembiraan dalam kehidupan.

Ibarat kata pepatah “*Hanya kehidupan untuk orang lain adalah kehidupan yang berfaedah*”

Kami berharap para guru dan ibu bapa dapat menggunakan paket sumber ini untuk menyokong kanak - kanak dalam mempelajari sifat saling mengambil berat.

Buku panduan pendidik “*Mengambil berat tentang orang lain*” adalah sumber tambahan yang dikeluarkan untuk tahun “2018 Start Small Dream Big”. Ianya untuk membimbing guru prasekolah mengintegrasikan aktiviti pembelajaran pengalaman untuk kanak-kanak dan mengamalkan “*sifat prihatin pada orang lain*”.

Sekiranya anda ingin kebahagiaan seumur hidup, ayuh saling mengambil berat tentang orang lain.



Mengenai “Start Small Dream Big”

Tiada sesiapa yang boleh melakukan segala-galanya tetapi semua orang boleh melakukan sesuatu

“*Start Small Dream Big*” dimulakan oleh Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak (ECDA) untuk menggalakkan pra sekolah membuat pelantaran autentik untuk kanak-kanak berinovasi, menyelesaikan masalah dan menggunakan kekuatan sendiri untuk menolong orang lain. Pertama kali ia dilancarkan pada tahun 2015, sebagai sebahagian dari acara SG50 dan sempena ulang tahun yang ke 15 Cabaran Presiden, iaitu sebuah acara tahunan mengumpul dana dan aktiviti sukarelawan. ECDA bekerjasama dengan pusat – pusat yang terlibat untuk mereka bentuk dan melaksanakan projek masyarakat dalam tempoh enam bulan.

Sebagai sebuah masyarakat, kita berhasrat untuk mendidik kanak-kanak secara holistik, termasuk pembentukan peribadi, supaya mereka bersedia untuk belajar sepanjang hayat, rakyat yang aktif dan bertanggungjawab serta berjaya di masa hadapan. Melalui “*Start Small dream Big*”, kami berharap dapat menggalakkan kanak - kanak menggunakan sumber dan kreativiti mereka sendiri untuk memberi kembali kepada masyarakat, dan dalam proses itu, menanamkan semangat memberi dan nilai-nilai yang baik seperti mengambil berat/penyayang, kerendahan hati, kebaikan dan belas kasihan.

Kanak-kanak ini adalah dari peringkat K1 dan K2 (iaitu berumur 5-6 tahun). Pusat-pusat prasekolah digalakkan melibatkan guru-guru dan membimbing kanak-kanak dalam membangun, merancang dan melaksanakan projek kemasyarakatan ini. Di bawah bimbingan guru, kanak-kanak perlu memainkan peranan aktif dalam menentukan siapa yang mereka mahu membantu dan apa yang mereka mahu lakukan. Ibu-bapa juga akan melibatkan diri dalam projek kemasyarakatan anak-anak mereka.

